

ALLAH SAYANG KAMU. Oleh Dr. Abdul Muhdi Hadi dan Hamd bin Abdillah Ad-Dausari. Penerbit: Darul Nu'man: Kuala Lumpur. 2012. Halaman:143. ISBN 9789830464732

Buku ini menampilkan tulisan Dr. Abdul Muhdi Abdul Hadi yang berjudul ALLAH SAYANG KAMU. Beliau bermula dengan perkataan “Semoga Allah memberi kesembuhan dan kesihatan kepadamu. Sesungguhnya dalam Al-Quran dan sunnah Nabi terdapat banyak ilmu yang berguna bagimu. Di sini aku menghimpunkan sebahagian darinya. Aku memohon kepada Allah agar memberikan kemanfaatan kepada kita semua”. Buku ini merupakan kompilasi yang ditulis oleh beliau dan sahabatnya. dengan menampilkan nasihat untuk pesakit (yang terdiri dari doa-doa, hikmah disebalik rasa sakit, ubat) dan iaitu mencegah itu lebih baik. Buku ini juga merungkai rahsia rasa disebalik sihat dan sakit. Kandungan dalamnya dipenuhi dengan kata-kata nasihat yang penuh bermakna dan sesuai dijadikan penawar kepada yang sakit dan peringatan kepada yang sihat.

Buku ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama penulis mengumpulkan kata-kata nasihat untuk pesakit. Di setiap permulaan ayat-ayat di dalam buku ini bermula dengan segala pujian bagi Allah SWT dan Nabi SAW. Setiap kata nasihat disusuli dengan hadith Qudsi yang diriwayatkan oleh Rasullullah SAW. Dalam hadith ini mengatakan ‘sesungguhnya orang yang sakit bukanlah yang hina disisi Allah SWT. Justeru ia mempunyai kedudukan yang sangat mulia di sisiNya. Penghormatan lain bagi orang yang sakit diceritakan di dalam hadith Qudsi, iaitu Allah sentiasa bersamamu wahai orang yang sakit.

Allah masih mencintaimu

Sakit tidak akan datang kepada seseorang manusia sebagai cubaan, kecuali dengan takdir Allah SWT. Allah menguji hambaNya dengan sakit tidak lain kerana dua perkara iaitu sebagai

- i) Penghapus dosa
- ii) Mengangkat Darjat Hambanya

Tidak diragukan lagi bahawa sakit merupakan bukti kecintaan Allah kepada hambaNya. Dengannya Allah menghapuskan dosa-dosa dan mengangkat darjatmu di sisiNya. Maka terimalah ketetapan Allah dan berbahagialah. Ketahuilah olehmu, para Nabi dan Rasul juga menderita sakit. Walaupun Nabi Ayyub AS telah diuji dengan satu penyakit. Namun Penyakit itu menular keseluruhan anggota tubuhnya dan bertambah parah dari hari demi hari. Keluarganya meninggal dan hartanya musnah, tetapi Nabi Ayyub menghadapinya dengan penuh kesabaran biarpun dalam waktu yang lama. Nabi Ayyub AS merasa malu memohon kesembuhan dari Allah SWT. Namun Nabi Ayyub AS tetap bermunajat dan berdoa kepada Allah. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Anbiya’ ayat 83 dan 84 menceritakan kisah Nabi Ayyub AS. Ini merupakan dalil bahawa para nabi juga turut ditimpa sakit. Oleh itu, daripada peristiwa Nabi Ayyub AS dapat diketahui bahawa sakit adalah perkara yang baik. Para Nabi dengan ketinggian martabatnya juga mengalami sakit. Namun jika sakit semakin parah, janganlah bersedih, akan tetapi kita perlu ingatlah sesungguhnya Allah mencintai kita dan kuatkanlah pegangan agama serta akidah kita. Jika seseorang itu tidak pernah merasa sakit dan tidak pernah diuji, maka janganlah gembira kerananya. Serta janganlah berfikir bahawa dia adalah orang yang beruntung kerana dia adalah termasuk orang yang Allah SWT belum berkehendak untuk membersihkannya. Allah SWT biarkannya tanpa apa-apa ujian, sehingga Allah SWT mencabut nyawanya bersama dosa-dosanya.

Utamakan Zikrullah

Banyak ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan kita untuk banyak mengingati Allah. Seorang mukmin harus memahami keperluan mengingati Allah SWT. Sesungguhnya dengan berzikir

kepada Allah, akan turun kepadamu rahmat. Tatkala rahmat Allah telah turun, maka akan diangkat bala (ujian) dan datanglah kesembuhan. Sesungguhnya Allah SWT menerangkan bahawa berzikir kepadaNya merupakan ubat yang mujarab, iaitu penyembuh bagi hati. Allah berfirman:

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah sahajalah hati menjadi tenteram”

(Surah ar-Ra’d: 28)

Apabila hati sudah tenang, maka akan terasa sihat dan segarlah seluruh anggota badanmu. Sesungguhnya Allah SWT telah menerangkan kepada kita bahawa zikir kepadaNya akan memperbaiki keadaan, sekalipun sebelumnya dalam keadaan yang sangat buruk. Zikir ini akan mendekatkan orang yang berzikir kepadaNya walaupun terasa sangat jauh. Dalam buku ini juga diselitkan dengan kisah Nabi Yunus AS di dalam Surah as-Saffat: ayat 139-148 yang telah meninggalkan kaumnya disaat mereka belum mahu beriman. Iktibar dari kisah Nabi Yunus ni, Allah SWT menerangkan bahawa antara sebab terselamatnya Nabi Yunus AS, adalah kerana tasbih Nabi Yunus AS kepadaNya.

Dengan zikir kepada Allah SWT Nabi Yunus AS terselamat dari kematian. Antara iktibar yang dapat diambil dari kisah Nabi Yunus AS ini, ialah;

Pertama, sesungguhnya dengan berzikir kepada Allah, nescaya Allah akan melepaskan kesulitan yang dirasakan sangat berat oleh manusia.

Kedua, bahawa sesungguhnya ada satu bentuk zikir (ucapan) yang sangat agung untuk melepaskan diri daripada kesusahan. Maka perbanyakkanlah zikir tersebut setiap kali menghadapi kesusahan. Zikir ini adalah *sighah* (ucapan)

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

- yang bermaksud “Bahawa tidak ada Tuhan selain dari Engkau. Maha suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang aniaya”.

Zikir kepada Allah merupakan ibadah yang agung, yang mendekatkan seorang hamba kepada Rabbnya, dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. Allah berkuasa mengubah keadaan seorang hamba dari kesempitan menuju kelapangan dan dari kesulitan kepada kemudahan. Sentiasalah mengingat Allah dengan berzikir.

Berdoalah dengan sepenuh hati.

Kebanyakan manusia ketika sakit mereka terlalu bergantung kepada ubat-ubatan. Seperti tiada cara lain untuk menyembuhkan penyakit mereka akan tetapi doa sebenarnya lebih penting dari ubat. Dengan berdo bererti kamu memohon kepada Allah, Zat yang Maha Kuasa, Yang Maha Kaya, Yang Berhak Mendapat Pujian, Yang Maha Mulia. Hanya Allah yang mengetahui apa yang disakiti oleh mu. Dan Dialah Yang Maha Kuasa yang akan memperbaiki keadaanmu. Maka mohonlah kepadaNya.

Beramal Soleh dengan Ikhlas

Kebaikan yang dimaksudkan di sini adalah amal soleh. Sesungguhnya, Rasulullah SAW memberitahu kepada kita bahawa amal soleh dapat menambah umur dan akan memberikan kesihatan yang baik, sehingga seorang Muslim itu dapat memanfaatkan seluruh masa dari usianya dengan amalan-amalan positif, dan Allah memberkahi umurnya serta memanjangkan usianya. Penulisan di dalam buku ini menekankan solat malam adalah ibadah yang disukai Allah SWT. Dalam al-Quran Allah menyifatkan orang-orang soleh sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa ditempatkan di dalam syurga

(yang mempunyai mata air). Mereka mengambil apa yang diberikan Rabb mereka. Sesungguhnya mereka sebelumnya (di dunia) adalah orang-orang yang berbuat kebaikan. Mereka sedikit sekali tidur di waktu malam. Dan di akhir-akhir malam mereka memohon ampun (kepada Allah). Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri”.

(Surah az-Dzariyat: 15-19)

Dalam solat seorang hamba berlindung kepada Allah, Pencipta dan Pengatur urusannya. Solat merupakan sujudnya hamba kepada Allah, Yang Maha Pencipta dan Pemberi rezeki. Di dalamnya terdapat *zikrullah*. Oleh kerana itu, solat ini mengembalikan tubuh pada asal penciptaannya. Mengembalikannya pada keadaan ketika ia diciptakan (yang bersih dari dosa). Berbaik sangkalah kepada Allah. Nescaya Dia akan memberimu apa-apa yang kamu redha terhadapnya.

Hikmah Di Sebalik Rasa Sakit

Antara hikmah yang boleh difikirkan adalah nasihat bagi orang yang sihat. Rasulullah SAW bersabda, “Wahai orang yang sihat, kesihatan dan afiat (kekuatan jasmani) ini akan ditanya Allah SWT pada hari kiamat. Oleh kerana itu, jadikanlah sihat walafiat sebagai penolong kamu untuk melakukan ketaatan kepada Allah SWT. Peringatan juga dinyatakan di sini iaitu “Wahai orang sihat, jika kamu ingin mengetahui nilai kesihatan dan *afiat*, maka sering mengunjungi orang yang sakit, baik di kediaman mereka mahupun di hospital. Ada yang mengatakan bahawa kesihatan adalah mahkota bagi orang-orang yang sihat, dan tidak ada yang menyedari kecuai orang-orang yang sakit. Penulis banyak menulis untuk mengingatkan orang yang sihat. Wahai orang-orang yang sihat, tidak dinafikan, saat ini kamu menikmati kesihatan dan keafiatan kamu. Kamu boleh berdiri dan berjalan, tetapi malangnya ada di antara kamu yang mengeluh hanya kerana diuji dengan sakit yang ringan. Wahai orang yang sihat, bersyukurlah dengan sebenar-benarnya kepada Allah SWT atas nikmat anggota badan kurniaanNya. Manfaatkanlah ia dengan baik dan hendaklah kamu mentaatiNya. Wahai orang yang sihat, tanyakan pada diri kamu, apakah kamu telah bersyukur kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya atas nikmat anggota badan yang diberikan kepada kamu, iaitu dengan menggunakannya dalam mentaati Allah SWT dan mencegahnya dari daripada melakukan maksiat kepadaNya.

Wahai orang-orang yang sihat dan sakit, ketahuilah olehmu, pelbagai jenis penyakit telah bermaharajalela di zaman ini. Terdapat penyakit yang dikenali tetapi sukar ~~kan~~ disembuhkan, seperti kanser (barah), HIV, Sifilis pula adalah antara penyakit yang amat ditakuti kerana sebahagian masyarakat menganggap ia suatu penyakit yang menjijikkan. Tambah membimbangkan lagi penyakit kejiwaan dan mental yang semakin serius telah melanda umat masa kini. Mereka sering gelisah, susah hati, bercelaru dan sedih kerana tidak dapat menangani masalah kehidupan dengan baik. Masalah rumahtangga, pekerjaan, kewangan (beban hutang dan sebagainya), sukar dapat jodoh, adalah antara punca kepada penyakit ini. Ternyata kita semua tidak dapat lari dari pelbagai gejala penyakit, baik fizikal mahupun mental. Adapun penyakit-penyakit seperti darah tinggi, diabetes, sakit buah pinggang, dan lumpuh, seakan menjadi trend penyakit masa kini. Diakui, mengabaikan kesihatan adalah punca utama penyakit ini.

Keimanan yang lemah dan banyak melakukan maksiat, adalah antara sebab musabab timbulnya pelbagai penyakit hati, rasa dengki, busuk hati dan iri hati yang keterlaluan mendorong seseorang itu menggunakan sihir, santau, ilmu hitam dan sebagainya bagi memenuhi kehendak

nafsunya. Orang yang menjadi mangsa kepada perbuatan ini dikenali sebagai sakit yang berpunca dari gangguan jin atau makhluk halus.

Wahai orang-orang yang sihat dan sakit, ingatlah sesungguhnya umur kita di dunia ini sangat pendek, sebagaimana yang telah di jelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya: “Umur umatku berkisar antara enam puluh sampai tujuh puluh (tahun), dan sedikit sekali yang melebihi dari itu.”

(HR. At- Tarmizi dan Ibnu Majah)

Wahai orang-orang yang sihat dan sakit, ingatlah, dunia ini merupakan ladang ujian dan dugaan. Oleh kerana itu, dunia ini penuh dengan berbagai macam musibah, kekeruhan, kesedihan, penyakit serta berbagai macam bencana. Allah SWT berfirman: “Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sesuatu, perasaan takut, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar (menghadapi ujian itu)

(Surah al-Baqarah: 155)

Keutamaan sabar menghadapi sakit adalah satu manfaat yang besar. Manfaat lain bagi orang yang sakit dan dia menderita kerananya, adalah ia menjadi sebab baginya masuk Jannah dengan izin Allah SWT. Dari Ibnu Abbas RA bahawa dia berkata kepada salah seorang sahabatnya, “Mahukah engkau aku tunjukkan seorang wanita penghuni Jannah?” Sahabat tersebut menjawab, “Ya”, Lalu Ibnu Abbas berkata, “Wanita tersebut adalah seorang wanita berkulit hitam yang datang kepada Rasulullah SAW dan dia berkata, “Sesungguhnya aku terkena penyakit sawan (epilepsi) dan aku kawatir auratku tersingkap ketika sakit. Maka dari itu berdoalah kepada Allah untukku (agar aku sembuh).” Rasulullah SAW bersabda, “Jika engkau mahu bersabar (atas penyakit itu), maka engkau berhak mendapat syurga. Tetapi, jika engkau menginginkan sembuh, aku akan memohon kepada Allah agar memberikan kesembuhan kepadamu.” Wanita itu berkata, “Aku pilih bersabar, tetapi aku mohon kepadamu agar engkau berdoa kepada Allah agar ketika aku sakit auratku tidak tersingkap.” Akhirnya Rasulullah SAW mendoakan baginya agar auratnya tidak tersingkap.”

(HR. Al-Bukhari)

Adab-adab Menziarahi Orang Sakit

Menziarahi orang sakit itu hukumnya wajib, apalagi jika yang sakit adalah kaum keluarga, saudara kandung mahupun jiran tetangga. Menziarahi orang sakit merupakan satu sunnah yang sangat dituntut dan selayaknya dilakukan seorang muslim. Banyak hadith diriwayatkan oleh HR.Muslim, HR al-Bukhari dan HR.At–Tarmizi dan Abu Daud yang menyentuh dan mengatakan Riwayat dari Rasulullah tentang menziarahi orang sakit.

Terdapat adab menziarahi orang sakit ialah;

1. Mendoakan kesembuhan dan kesihatan baginya. Mengingatkan orang yang sakit, bahawa doa orang yang sakit itu mustajab, sehingga dia akan berdoa untuk dirinya dan kepada seluruh kaum muslimin.
2. Menghiburkan dan berlemah-lembut kepada orang yang sakit, membuatnya gembira dan bahagia, meringankan beban serta menghilangkan kekhuatirannya.
3. Berusaha memberikan manfaat kepada orang yang sakit dengan cara meruqyahkan dan memberikan kepadanya kitab-kitab yang menerangkan bagaimana cara bersolat dan bersuci ketika sakit. Selain itu memberi motivasi agar menghadapi penyakit dan musibah yang menimpa dengan penuh kesabaran sepertimana para nabi dan salafussoleh.

4. Memberi peringatan dan nasihat kepada orang yang sakit mengenai kemaksiatan yang telah dilakukan. Adakalanya orang yang sakit dengan mudah meninggalkan atau meremehkan solat, bahkan mereka lebih senang mendengar muzik, lagu-lagu dan menghisap rokok.
5. Jika Allah SWT memuliakanmu dengan mengizinkan kamu menziarahi kaum keluarga ataupun saudaramu di hospital, maka janganlah kamu bakhil terhadap dirimu untuk menziarahi orang sakit lainnya yang berada di tempat yang sama. Ziarahilah orang yang sakit tanpa mengira bangsa dan sukunya bagi mewujudkan persaudaraan di antara kaum Mukminin.

Wahai orang yang sakit, berusaha, berdoa dan bertawakallah kamu kepada Allah apabila kamu sakit. Katahailah bahawa sesungguhnya Allah SWT adalah Zat yang menyembuhkan dan memberi kesihatan, maka hendaklah kamu baik sangka kepadaNya. Jika orang yang sakit itu tidak mahu mendapatkan rawatan, akan tetapi hanya bersandarkan kepada kekuatan iman dan sikap tawakalnya kepada Allah SWT, bahawa Allah SWT yang mendatangkan manfaat dan mudharat serta berkuasa atas segala sesuatu, maka sikap seperti ini tidak dilarang. Seseorang itu tidak boleh dipaksa berubat. Berdoa juga adalah salah satu cara rawatan yang mujarab.

Oleh itu, wajib bagi kita mengingatkan diri kita sendiri dan orang-orang yang sedang sakit agar bertawakal kepada Allah SWT dan kebergantungan hati hanya kepadaNya supaya dengannya kita beroleh kesihatan, keselamatan serta pahala di dunia dan di akhirat.

Akhir kata, setiap insan seharusnya bersyukur kepada Allah atas segala nikmat dan ujian. Di antara tanda kecintaan Allah SWT terhadap hambaNya adalah apabila seorang hamba itu diuji dengan sakit. Sesungguhnya Allah SWT memberi kemuliaan, mengangkat darjat dan menambah kebaikan pada hambaNya kerana sakit.

Ironinya, orang yang sakit itu akan ingat pada penciptanya dan bersyukur akan nikmat pemberianNya. Para Nabi dan Rasul juga pernah diuji dengan berbagai bentuk ujian dan cubaan dari sakit sehinggalah kekurangan harta benda demi memantapkan dakwah Ilahi kepada semua umatnya.

Sesungguhnya nasihat-nasihat dari Sunnah Rasullulah SAW dan doa-doa dari al-Quran memiliki banyak keberkatan dan kemuliaan yang tinggi. Ingatlah bahawa dengan sakit yang diberikan, kita bukanlah hamba yang hina dihadapan Allah, akan tetapi kita adalah orang yang mulia di hadapanNya. Allah menguji hambaNya untuk mendengar permohonan hambaNya untuk mengampuni dosa-dosa serta mengangkat darjat hambaNya.

Oleh yang demikian ada masanya Allah SWT memberikan nikmatnya dengan cara menimpakan ujian kepada seseorang meskipun berat namun ada ketikanya, Allah SWT menguji sebahagian kaum dengan cara memberikan nikmat kepada mereka.

Sohana Abdul Hamid,

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan,

Pusat Pengajian Teras,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.